

21 JUL 2003

Chirac-Lawatan/I

MALAYSIA ANGGAP LAWATAN CHIRAC PENTING WALAUPUN SINGKAT

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Lawatan kerja Presiden Perancis, Jacques Chirac ke Malaysia esok, dianggap penting kerana ia memberi ruang kepada beliau untuk membincangkan isu dua hala dan antarabangsa secara panjang lebar dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Hubungan Malaysia-Perancis yang sentiasa rapat diperkukuhkan lagi dengan hubungan persahabatan yang erat antara Dr Mahathir dan Chirac, baik di peringkat rasmi mahupun di peringkat peribadi, kata Wisma Putra dalam kenyataan di sini, hari ini.

Chirac juga akan mengadakan perbincangan dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau akan diiringi Menteri Jabatan Luar Negara dan Wilayah Perancis, Brigitte Girardin dan sembilan pegawai kanan.

Lawatan beliau adalah atas jemputan Dr Mahathir.

Dagangan antara kedua-dua negara sentiasa berkembang, dan pada tahun lepas jumlahnya mencecah RM9.43 bilion, dengan imbangan dagangan pertama kali memihak kepada Malaysia.

Bagi tempoh antara Januari dan Mei tahun ini, dagangan antara kedua-dua negara berjumlah RM4.46 billion, dengan lebih 50 peratus eksport Malaysia berupa barangan semikonduktor.

"Hubungan dalam bidang pertahanan antara kedua-dua negara juga adalah kukuh. Ia adalah hasil daripada Perjanjian Kerjasama Pertahanan yang ditandatangani pada 1993," kata Wisma Putra.

Tahun lepas, Malaysia memeterai perjanjian dengan Perancis untuk membeli dua kapal selam baru jenis Scorpene. Malaysia dijadual menerima satu daripada kapal selam itu pada 2007.

Dalam bidang pelancongan pula, jumlah rakyat Perancis yang melawat Malaysia menurun kepada 27,434 orang atau 16.6 peratus tahun lepas berbanding 32,922 orang pada tahun sebelumnya.

"Adalah diharapkan dengan adanya perkhidmatan harian MAS bagi sektor Kuala Lumpur-Paris, jumlah pelancong Perancis yang melawat negara ini akan kembali meningkat," kata Wisma Putra.

Jumlah pelajar Malaysia yang melanjutkan pelajaran ke negara itu kini semakin meningkat.

Sejak Januari tahun ini, 181 pelajar Malaysia berdaftar dengan pelbagai universiti dan institusi pengajian tinggi Perancis.

-- BERNAMA

AT KHY SP MAI